

Isu keterjaminan makanan antara fokus Malaysia-Singapura

BH - 31/11/2023 m/c: 2

Singapura: Datuk Seri Anwar Ibrahim melihat isu keterjaminan makanan antara bidang boleh diteroka bersama Singapura, dengan sasaran memberi manfaat kepada rakyat kedua-dua negara.

Berucap pada majlis makan tengah hari rasmi dihoskan rakan sejawatnya dari Singapura, Lee Hsien Loong, Perdana Menteri yang pada lawatan rasmi semalam, berkata bidang baharu itu boleh diteroka seiring dengan isu tertunggak lain yang perlu diberi tumpuan oleh Malaysia dan Singapura.

“Bidang ini (keterjaminan makanan) yang saya fikir kami akan dapatkan sokongan Singapura, untuk menggunakan Malaysia sebagai pusat utama untuk pengeluaran bagi manfaat kedua-dua negara.

“Pentadbiran saya masih baharu, namun pandangan saya dan Kabinet saya jelas.

“Bukan sahaja kita berhasrat meneruskan hubungan (dua negara), malah kita mahukan supaya rakyat di kedua-dua negara faham bahawa kita adalah dua negara hebat, jiran yang hebat, banyak lagi yang boleh kita lakukan untuk manfaat rakyat,” katanya.

Sehubungan itu, Anwar berkata, terpulang kepada pemimpin Singapura untuk meneruskan dan melangkah maju ke hadapan, bukan sahaja dalam bidang perdagangan, pelaburan dan keselamatan siber, tapi juga

dalam menyelesaikan semua isu tertunggak.

Terus eratkan hubungan

Selain pertemuan empat mata dengan Hsien Loong, Perdana Menteri membuat kunjungan hormat ke atas Presiden, Halimah Yacob dan memaklumkan, Halimah akan melawat Malaysia tidak lama lagi yang juga tanda awal bahawa hubungan kedua-dua negara semakin bertambah akrab.

Terdahulu, beliau dan Hsien Loong menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman yang akan memupuk kerjasama dalam bidang baharu dan meningkat maju, terutama berkaitan ekonomi digital dan hijau serta keselamatan siber.

Sementara itu, Hsien Loong dalam ucapannya, memaklumkan beliau dan Anwar telah mengadakan perbincangan yang banyak membuahkan hasil, termasuk bagaimana kedua-dua negara boleh mencapai kemajuan dalam pelbagai isu dua hala yang tertunggak.

“Sebagai rakan dan jiran yang baik, hala tuju Singapura dan Malaysia saling berkaitan. Apabila kita bekerjasama secara konstruktif, kita akan mendapatkan hasil menang-menang dengan manfaat ketara bagi rakyat dan urusan kita.

“Saya yakin, dengan sokongan Perdana Menteri Malaysia, hubungan Singapura-Malaysia boleh mencapai tahap yang tinggi,” katanya.

BERNAMA